

Urus Harta Pusaka Dengan Betul Sebelum Terlambat



Oleh: Ahmad Anwarrudin Bin Shahlan

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 25 Julai 2021

Pada awal tahun 2020 *Harian Metro* melaporkan, hampir RM70 bilion nilai harta pusaka dengan majoritinya milik orang Melayu di negara ini tidak dituntut sejak merdeka hingga kini.

Malah dijangka peningkatan harta beku akan berlaku dari tahun ke tahun. Di Malaysia, tanpa mengira sama ada orang Islam ataupun bukan Islam, pembahagian harta seseorang yang sudah meninggal semestinya akan dilakukan ke atas waris si mati. Namun, adakah prosesnya mudah?



Gambar hiasan

Menurut laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), mutakhir ini terlalu banyak kes kematian yang berlaku akibat jangkitan Covid-19.

Sepanjang bulan Jun lalu sahaja, kematian akibat jangkitan Covid-19 merekodkan lebih 50 kes sehari. Namun persoalannya, adakah kita semua sudah bersedia untuk meninggalkan ahli keluarga kita?

Sudahkah anda mempersiapkan pembahagian harta melalui kaedah yang betul untuk mereka yang ditinggalkan selepas anda meninggal dunia?

Harta yang kita kumpulkan di dunia, pasti tidak boleh dibawa bersama jika kematian menjemput kita. Bagi umat Islam, jika si mati tidak meninggalkan wasiat, maka pembahagian harta pusaka akan ditetapkan mengikut syariat Islam sebagai panduan yang mana lebih dikenali sebagai pembahagian faraid.

Sebaliknya, bagi yang bukan beragama Islam, pembahagian harta si mati akan dilakukan mengikut nisbah yang telah ditetapkan dalam Akta Pembahagian 1958.



Gambar hiasan


Ramai dalam kalangan saudara mara atau waris si mati bergaduh jika pembahagian harta pusaka tidak dilakukan dengan sebaik-baiknya. Malah, mungkin boleh berlaku pertumpahan darah antara mereka.

Bagi mengelakkan perkara seperti itu berlaku, kita hendaklah mempersiapkan diri dengan menyediakan wasiat yang adil dan tidak membebankan mana-mana pihak yang kita tinggalkan kelak.

Terdapat banyak badan-badan yang berkelayakan di Malaysia untuk menguruskan harta pusaka seseorang yang telah mati. Namun, semestinya ia mengambil masa yang panjang untuk meneliti dan mendalami segala aset-aset seseorang.

Ada ketika, mereka yang menguruskan harta pusaka ini perlu naik turun mahkamah dalam tempoh yang agak lama untuk mendapatkan kelulusan pemindahan hak milik kepada waris.

Semuanya akan diuruskan oleh badan tersebut jika si mati mempersiapkan pembahagian harta ini sebelum kematiannya.



Soleha Mohd Rastam Efendy

Penulis juga berkesempatan menemu bual Perunding Unit Perancangan, Pengurusan Harta Pusaka, Soleha Mohd Rastam Efendy. Terlalu banyak kerisauan yang dilontarkan oleh beliau berhubung isu ini.

Soleha berpandangan, agak sukar untuk menarik minat seseorang untuk mempersiapkan pengurusan harta sebelum berlakunya sebarang perkara yang tidak diingini. Namun, mereka hanya mampu memberi makluman dan kesedaran terhadap pengurusan harta yang betul.

Menurut beliau, proses pengurusan sememangnya susah dan ada beberapa kes mengambil masa puluhan tahun untuk menguruskannya jika si mati langsung tidak membuat persiapan terhadap pembahagian harta kepada warisnya.

Waris sendiri terpaksa menguruskan segala-galanya, dari naik turun pejabat pengurusan harta sehingga ke mahkamah. Pasti ia merumitkan ditambah lagi dengan sekatan pergerakan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mungkin kerana kurang pengetahuan dalam menguruskan isu tersebut, ramai yang memandang enteng terhadap pengurusan harta yang betul sehingga menyebabkan terlalu banyak lambakan harta yang tidak dituntut waris.

Namun, jika si mati mempersiapkan pembahagian harta pusaka lebih awal, pihak pengurusan harta secara automatik akan menguruskan pembahagian harta pusaka mengikut prosedur sedia ada tanpa menyusahkan para waris.

Mengambil kira peri pentingnya pengurusan harta pusaka untuk waris bagi setiap individu pada masa hadapan, semua pihak perlu memainkan peranan untuk mempersiapkan wasiat sebelum ajal tiba.

Langkah yang kita pilih hari ini adalah penentu nasib waris kita apabila kita pergi meninggalkan dunia yang fana ini untuk selama-lamanya.